



## PANDUAN MEMBUAT TUNTUTAN KEMALANGAN KENDERAAN BERMOTOR

### Ikuti 3 Langkah Penting Ini:

- ✓ HUBUNGI syarikat insurans anda atau Pusat Panggilan Accident Assist
- ✓ KUMPULKAN bukti
- ✓ BUAT laporan polis



### PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF: CARA MEMBUAT TUNTUTAN DARIPADA SYARIKAT INSURANS SENDIRI

#### 1. PERKARA YANG BOLEH DITUNTUT

- a) Jika kemalangan berpunca daripada kesalahan anda, buat tuntutan 'Kerosakan Sendiri'
- b) Jika kemalangan **BUKAN** berpunca daripada kesalahan anda, buat tuntutan 'Kerosakan Sendiri Knock-for-Knock' (bukan tuntutan pihak ketiga)

#### MANFAAT MEMBUAT TUNTUTAN 'KEROSAKAN SENDIRI KNOCK-FOR-KNOCK':

- Tuntutan diselesaikan dengan lebih cepat
- Anda tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (No Claim Discount, NCD)
- Anda boleh menuntut ekses\* dan CART\*\* daripada syarikat insurans pihak lain

#### 2. CARA MEMBUAT TUNTUTAN

- Kemukakan kepada syarikat insurans anda:
- Borang tuntutan yang lengkap
  - Salinan asal laporan polis
  - Salinan kad pengenalan dan lesen memandu (permudah dan pemegang polisi)
  - Salinan sijil pemilik kereta
  - Gambar kejadian kemalangan dan kerosakan pada kerenderaan
  - Dokumen polis yang menyatakan pihak yang dikompaun bagi kesalahan jalan raya



### PERLINDUNGAN PIHKAT KETIGA: CARA MEMBUAT TUNTUTAN KEROSAKAN HARTA PIHKAT KETIGA

#### 1. PERKARA YANG BOLEH DITUNTUT

- a) Kerosakan pada kereta atau harta anda akibat kemalangan jalan raya yang berpunca daripada pihak lain
- b) Kerugian kewangan yang lain seperti CART\*\*, ekses\*

#### 2. CARA MEMBUAT TUNTUTAN

- Hantar kereta anda ke Bengkel panel syarikat insurans
- Lantik adjuster untuk menaksir kereta anda
- Kemukakan kepada syarikat insurans pihak lain:
  - Salinan asal laporan polis
  - Salinan kad pengenalan dan lesen memandu (permudah dan pemegang polisi)
  - Salinan sijil pemilik kerenderaan
  - Laporan adjuster
  - Bil kos pembaharuan kereta anda
  - Gambar kejadian kemalangan dan kerrosakan pada kerenderaan
  - Dokumen polis yang menyatakan pihak yang dikompaun bagi kesalahan jalan raya

*Anda boleh mendapatkan maklumat syarikat insurans pihak lain melalui [www.myearinfo.com.my](http://www.myearinfo.com.my)*



#### CARA MENGELOAKAN KEMUNGKINAN TUNTUTAN DITOLAK

- Maklumkan syarikat insurans anda dalam tempoh **tujuh hari** dari tarikh kemalangan
- Pastikan dokumen adalah lengkap
- Pastikan kerenderaan persendirian tidak digunakan untuk sewa atau mengangut barang bagi tujuan perniagaan

#### MAKLUMAT PENTING

##### PAMPASAN UNTUK TEMPOH PEMBAIKAN YANG DIANGGARAKAN (COMPENSATION FOR ASSESSED REPAIR TIME, CART)\*\*

Amaun yang perlu dibayar oleh syarikat insurans pihak lain mengikut bilangan hari yang diperlukan untuk membahik kereta anda seperti yang ditaksirkan oleh adjuster (bukan bilangan hari kereta anda berada di bengkel)

##### CART =

Kadar mengikut resit tambang teksi atau perjanjian sewa kereta atau skala CART yang ditetapkan



Bilangan hari untuk membahik kereta

Sila simpan resit asal tambang teksi atau sewa kereta untuk membuat tuntutan CART

##### EKSES\*

Amaun yang anda perlu bayar sama ada kemalangan berpunca daripada kesalahan anda atau tidak. Syarikat insurans akan membayar baki tuntutan yang selebihnya

##### PENAMBAHBAIKAN (BETTERMENT)

• Amaun yang dibayar untuk kereta yang berada di atas kereta asli yang baru
 

- Apabila alat ganti lama digantikan dengan alat ganti asli yang baharu
- Anda perlu menanggung sebahagian daripada kos alat ganti asli yang baharu (bergantung pada usia kereta anda) kerana kereta anda adalah dalam keadaan yang lebih baik berbanding sebelum berlakunya kemalangan

Untuk maklumat lanjut, hubungi:  
PIAM di 03-22747399 atau layari [www.piam.org.my](http://www.piam.org.my)  
MTA di 03-20318160 atau layari [www.malaysiantakaful.com.my](http://www.malaysiantakaful.com.my)

Untuk aduan atau sebarang pertanyaan, hubungi  
syarikat insurans anda  
Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh syarikat insurans, anda boleh hubungi BNMTELINK di 1300 88 5465 atau [bnmtelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelink@bnm.gov.my)



BANK NEGARA MALAYSIA  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



## PANDUAN RINGKAS UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN INSURANS MOTOR

### HANTAR KERETA ANDA KE BENGKEL PANEL

- Minta senarai bengkel panel daripada syarikat insurans anda
- Bagi Tuntutan Kerosakan Sendiri, syarikat insurans anda akan melantik adjuster untuk menaksir kerosakan

Sila berkerjasama kepada adjuster



### DAPATKAN BANTUAN



Hubungi syarikat insurans anda atau khidmat pelanggan (24/7) 15-500 jika kereta anda mengalami kerosakan yang teruk dan memerlukan perkhidmatan trak tunda

### HANYA BERURUSAN DENGAN PENGENDALI TRAK TUNDA YANG DIBENARKAN

Dapatkan nama dan nombor pendaftaran pengendali trak tunda yang dibenarkan daripada syarikat insurans anda atau Accident Assist dan tunggu sehingga mereka tiba

## TUNTUTAN KEROSAKAN HARTA PIHKAT KETIGA

Tuntutan terhadap syarikat insurans pihak lain jika kemalangan bukan berpunca daripada kesalahan anda

(Rujuk halaman belakang untuk maklumat terperinci)

### TUNTUTAN KEROSAKAN SENDIRI

Tuntutan kerugian atau kerosakan pada kereta anda daripada syarikat insurans anda sendiri

(Rujuk halaman belakang untuk maklumat terperinci)



### MAKLUMKAN KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA

- Maklumkan kepada syarikat insurans anda dalam tempoh tujuh hari dari tarikh kemalangan
- Kemukakan tuntutan anda secepat mungkin

### BUAT LAPORAN POLIS

- Buat laporan polis dalam tempoh 24 jam di bala polis yang berhampiran
- Denda boleh dikenakan jika anda lambat membuat laporan

### LANGKAH 1

### LANGKAH 2

### LANGKAH 3

### LANGKAH 4

### LANGKAH 5

## BERTENANG JANGAN:

- Mengaku anda bersalah
- Bersetuju dengan apa-apa tawaran atau penyelesaian
- Tandatangan apa-apa dokumen

### LANGKAH 6

### LANGKAH 7

### LANGKAH 8

Pastikan keadaan adalah selamat sebelum anda keluar dari kereta

(Rujuk halaman belakang untuk maklumat terperinci)